

BERITA HARIAN

DATE: 17 / 02 / 2008

# Pak Lah enggan ulas Rembau calon Khairy

BH-  
17/2/2008

**Y**AN: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi enggan mengulas cadangan Umno Bahagian Rembau mencalonkan Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin bertanding sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum kali ini.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata, kedudukan semua calon BN hanya akan diputuskan selepas perjumpaan beliau dengan Pengerusi BN negeri, sedikit masa lagi.

"Kita belum lagi duduk dan bincang mengenai senarai calon... Tunggulah masa penamaan calon nanti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan projek menaik taraf jalan lajang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) kepada jalan kampung di bawah inisiatif Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada beliau akan membenarkan Khairy yang juga menantunya untuk bertanding seperti dihasratkan Umno Bahagian Rembau.

Baru-baru ini, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan dilaporkan berkata, Khairy adalah seorang daripada lima calon yang dipersetujui oleh Umno bahagian itu untuk bertanding di Parlimen berkenaan.

Mohamad berkata, pemilihan Khairy yang juga Ketua Pemuda Umno Rembau adalah sebagai mengiktiraf perannya sebagai Naib Ketua Pemuda Umno.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai kenyataan Timbalan Presiden Pas, Nasharudin Mat Isa bahawa parti itu tidak mahu Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang

bertanding di Parlimen Kepala Batas, Abdullah berkata: "Biarlah... Sat mahu, sat tidak... Tak payah komenlah."

Abdul Hadi sebelum ini dilaporkan mahu bertanding menentang Perdana Menteri di Kepala Batas, bagaimanapun, kelmari, Nasharudin berkata, adalah lebih sesuai Pas meletakkan calon anak tempatan untuk menentang Abdullah.

*System Ekas Automobil. "Protect"*

# Ma

**FETA AUTO PART INDUSTRIES (M) SDN BHD.**  
Sales and Marketing  
Tel: 06 - 351 7352 / 7819 / 8254 Fax: 06 - 351  
Email: femar@tm.net.my Website: [www.may](http://www.may)